

## UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI MASJID JERANTUT, PAHANG, PADA 17 DISEMBER, 1965

Saya mohon maaf kerana tidak dapat hadir bersama-sama di majlis pembukaan rasmi Masjid Jerantut, pada hari Jumaat yang mulia ini. Saya terpaksa berada di Kuala Lumpur kerana urusan Parlimen dan Pertandingan Sukan Semenanjung Asia Tenggara. Sungguh pun begitu, ingatan dan hati saya adalah bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian pada hari ini.

Dengan pembukaan Masjid ini, bandar Jerantut mempunyai sebuah bangunan yang cantik dan umat Islam di daerah ini sekarang sudah mempunyai sebuah tempat amal ibadat yang indah dan saya sukacita memberi ucapan tahniah kepada semua pihak yang telah menjayakan pembinaan Masjid ini. Saya harap dengan adanya Masjid ini umat Islam di Jerantut, khasnya mereka yang tinggal dalam bandar, dalam membuat amal ibadat kepada Tuhan Yang Maha Kuasa dalam keadaan yang sempurna. Dalam kita membuat amal ibadat, saya berharap umat Islam di Jerantut khasnya dan di Pahang amnya, tidak akan lupa kepada pekerjaan dan tanggungjawab yang lain yang boleh memperbaiki taraf hidup umat Islam dan membolehkan mereka mendapat kemakmuran dan kebahagiaan hidup dalam abad yang maju ini.

Kerajaan Pusat telah memberi wang sebanyak \$125,000 untuk pembinaan Masjid Jerantut ini dan bakinya ialah pemberian daripada Kerajaan Negeri Pahang. Masjid ini adalah lambang kerjasama yang erat di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri dan perkongsian harapan di antara Kerajaan dengan rakyat. Dasar Kerajaan Pusat ialah untuk membina tempat-tempat ibadat Mam yang sempurna, bersih dan indah supaya dengan ini tinggillah mutu ugama Islam, yang maha mulia ini. Saya harap sangat-sangat Masjid yang indah ini akan dijaga supaya keindahan dan kebersihannya sentiasa terpelihara.

Walaupun negara kita diancam oleh berbagai-bagai seteru, tetapi Kerajaan Perikatan telah dapat juga menjalankan rancangan Pembangunan dan Kemajuan bagi rakyat terutama sekali untuk rakyat-rakyat di luar bandar. Rancangan-rancangan Kerajaan telah dapat dilaksanakan dengan baik kerana ada persefahaman di antara Kerajaan dengan rakyat dan saya menyeru supaya rakyat sentiasa memberi kerjasama kepada Kerajaan dalam usaha-usaha kerajaan untuk meninggikan taraf hidup dan membasmi kemiskinan dalam negara kita ini. Rancangan Lima Tahun Malaysia Yang Pertama sedang dibincang dan didebat

dalam Parlimen dan akan diluluskan dalam dua tiga hari lagi. Apakala terlaksana semua projek-projek dan rancangan dalam Rancangan Lima Tahun Malaysia ini kita akan melangkah satu tapak ke hadapan lagi dalam usaha kita hendak melahirkan satu masyarakat yang adil di mana jurang perbezaan ekonomi di antara rakyat yang berada dengan mereka yang miskin dapat dikurangkan. Saya menyeru kepada semua rakyat di Jerantut dan Pahang supaya melipatgandakan usaha mereka; mempunyai tanggungjawab yang lebih terhadap kemajuan-kemajuan diri masing-masing dan negara. Negara kita kaya raya; Negeri Pahang kaya maka terserahlah kepada penduduk-penduduknya berusaha membuat kekayaan itu. Kita mestilah bercita-cita mahu hidup aman dan mewah dalam dunia ini dan cita-cita ini boleh dilaksanakan jika kita berusaha dan bekerja dengan penuh tanggungjawab dan keyakinan.

Saya berdoa mudah-mudahan tuan-tuan sekalian sentiasa berada dalam perliharaan Tuhan.